

15/10/1999

Pelumba, peminat dipelawa nikmati keindahan Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalu-alukan peminat perlumbaan Formula Satu (F1) dari seluruh dunia untuk meluangkan masa sambil menyaksikan keindahan negara ini.

"Selepas Formula Satu di sini berakhir, memandangkan pusingan akhir Formula Satu di Jepun bermula dua minggu lagi, mengapa tidak anda semua tinggal lebih lama di negara ini.

"Lebih lama anda di sini, lebih baik bagi kami. Nikmatilah keindahan negara kami," katanya pada majlis makan malam meraikan pemandu F1 dan pengurus pasukan mereka di sini, malam ini.

Pada majlis itu, pemandu F1 diperkenalkan seorang demi seorang termasuk juara dunia, Mika Hakkinen.

Kira-kira 1,000 tetamu hadir, termasuk Presiden Persekutuan Pengeluar Kereta Formula Satu (FOCA), Bernie Ecclestone; Pengerusi Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC), Tan Sri Basir Ismail; Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin; menteri-menteri Kabinet dan tokoh korporat tempatan.

Dr Mahathir melahirkan penghargaan kepada Ecclestone kerana membantu Malaysia mencapai impian negara ini menjadi tuan rumah Grand Prix F1.

Beliau berkata, Malaysia tidak menjangka perlumbaan itu akan berlangsung di negara ini tetapi Ecclestone, selaku penggerak utama F1, telah berusaha bagi membolehkan Malaysia menjadi tuan rumah terbaru perlumbaan itu.

"Akhirnya ia berada di sini dan Malaysia amat bangga menganjurkan perlumbaan yang utama ini dan yang terakhir bagi abad ini.

"Kami juga berasa gembira kerana anda (pelumba) berada di sini. Saya berharap anda semua dapat meluangkan masa untuk berjalan-jalan dan melihat keindahan negara ini.

"Pada kami, negara kami adalah cantik. Mungkin anda sependapat dengan kami setelah melihatnya," katanya.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan termasuk persembahan penghibur antarabangsa, Shirley Bassey, yang popular dengan lagu Kiss Me Honey.

(END)